



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/05/44 (HQ)

### PELITAWANIS TNB BERJAYA KUTIP LEBIH RM1 JUTA UNTUK TABUNG KILAT COVID-19

- sumbangan sukarela warga kerja, pesara dan ahli lembaga pengarah TNB

Warga kerja Tenaga Nasional Berhad (TNB) menyumbang lebih RM1 juta kepada Tabung Kilat COVID-19 PELITAWANIS yang dikelola Persatuan Wanita TNB (PELITAWANIS) bagi membantu meringankan beban mereka yang terkesan akibat daripada penularan wabak itu.

Sumbangan tersebut turut diterima daripada Ahli Lembaga Pengarah TNB dan juga pesara LLN/TNB.

Lebih 80 peratus dana yang dikumpulkan adalah untuk membantu golongan B40 dan rumah anak-anak yatim, manakala selebihnya untuk petugas barisan hadapan, pusat penjagaan warga emas dan pelajar-pelajar yang terkandas di pusat pengajian tinggi, kata Yang Dipertua PELITAWANIS TNB, Datin Seri Aidah Abu.

“Wang yang dikumpulkan kami agihkan dalam bentuk barangan keperluan asas harian dan wang tunai kepada mereka yang layak. Sebahagian sumbangan turut digunakan untuk peralatan perlindungan diri (PPE) untuk kegunaan petugas perubatan yang dijahit sendiri ahli-ahli kami.

“Kepada golongan yang hilang punca pendapatan akibat wabak Covid 19, usaha sebegini sedikit sebanyak dapat meringankan beban mereka, terutama yang menyambut Aidilfitri,” jelas Aidah, yang juga isteri kepada Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Menurut Aidah, Tabung Kilat COVID-19 PELITAWANIS adalah satu inisiatif tambahan kepada usaha TNB berkaitan penularan COVID-19 selepas mengambil kira ramai warga kerja TNB yang berminat untuk bersama-sama rakyat Malaysia lain menyumbang wang ringgit bagi tujuan itu.

Beliau turut memaklumkan pengurusan tertinggi TNB turut menyumbang 50 peratus daripada gaji bulan April kepada tabung tersebut yang dilancarkan pada 22 Mac lalu.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 28 Mei 2020, jam 10.00 pagi**

Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /

Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524

atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)

***Mengenai PELITAWANIS TNB***

*Persatuan ini dianggotai warga kerja wanita dan pesara wanita TNB selain isteri serta balu kepada warga kerja lelaki di TNB.*

*Ia mempunyai 6,900 orang ahli dari 61 cawangan di seluruh Semenanjung Malaysia.*

*Persatuan ini giat menjalankan aktiviti-aktiviti yang memberi manfaat kepada ahli-ahlinya dan masyarakat di samping menyokong TNB daripada pelbagai segi. Antaranya kebajikan, kerohanian, pembinaan sahsiah, gotong-royong, kemasyarakatan, sosial, sukan dan riadah serta pendidikan dan lain-lain.*

Caption:



Wakil Jabatan Pengurusan Hospital Sungai Buloh, Kamarulzaman Mohamed (paling kiri) menerima sijil agihan sumbangan dari Tabung Kilat Pelitawanis TNB berjumlah RM10 ribu yang disampaikan oleh Ketua Wanita Ikram Shah Alam, Norhayati Mohd Yusof (tengah) semasa satu majlis ringkas di Hospital Sungai Buloh. Turut hadir Ahli Jawatankuasa Persatuan Wanita TNB (PELITAWANIS TNB), Anita Ali (paling kanan, berjubah).



Norul Wazini Mohd Wazir, Ahli PELITAWANIS TNB Janamanjung turut bersama sekumpulan ahli persatuan menyumbang tenaga menjahit 2,160 pakaian PPE bagi kegunaan petugas barisan hadapan di tiga buah hospital sekitar Lumut, Perak.





Sumbangan dalam bentuk barang keperluan asas dan wang tunai turut diberikan kepada penduduk dalam golongan B40 di Kampung Malaysia Sungai Besi. Sumbangan disampaikan oleh Datin Jariah Jantan (kanan), Ketua Biro Sukan Pelitawanis menyampaikan sumbangan kepada wakil penduduk di situ.



Penduduk yang terkesan dengan pandemik COVID19 di Jalan Sungai Dusun Sungai Ramal Bandar Baru Bangi menerima sumbangan berbentuk keperluan asas harian dan wang harian dari Tabung Kilat Pelitawanis.